

## TARIAN ETNIK BAJAU

### Tarian Limbai

Tarian ini ditarikan dengan ragam gerak silat oleh penari lelaki, manakala penari perempuan menari dengan ragam gerak menenun, menanam padi, membasuh kain, membuat kuih, dan menjemur kain.

Pada asalnya, tarian limbai dipercaya ditarikan dengan ragam melambai dan menggerakkan tangan bagi menyambut kunjungan puteri raja. Tarian ini ditarikan oleh kumpulan penari perempuan sahaja dengan jumlah enam orang atau lapan orang. Kini, tarian ini dipersembahkan dalam

upacara menyambut ketibaan rombongan pengantin lelaki. Sebaik sahaja rombongan pengantin lelaki sampai, perarakan dihentikan sementara, dan tarian limbai dipersembahkan di hadapan pengantin.



Setelah selesai persembahan, pihak pengantin lelaki akan dijemput naik ke atas rumah pengantin perempuan. Kemudian, kedua-dua pasangan pengantin akan diijabkabulkan dan disandingkan.

Tarian limbai dipersembahkan oleh tiga pasangan hingga empat pasangan penari dengan gerakan tangan penari perempuan yang gemilai. Alat muzik yang mengiringi tarian ini ialah kulintangan, gong dan gendang. Jumlah penari tidak dihadkan, bergantung pada keluasan



pentas dalam sesuatu majlis menyambut rombongan pengantin lelaki yang disediakan oleh tuan rumah.

Pakaian penari lelaki berwarna kuning, diperbuat daripada kain jenis baldu dan bergetah.

Penari lelaki juga memakai tanjak dan rantai (sufuk) yang diperbuat daripada tembaga. Sufuk digunakan untuk melilit bahagian pinggang supaya pakaian kelihatan lebih kemas. Pakaian penari perempuan yang dikenali sebagai “sampit” diperbuat daripada kain songket atau sutera. Terdapat lima warna yang dibenarkan untuk pakaian penari perempuan, iaitu hitam, kuning, hijau, merah, dan putih.

### Tarian Daling-Daling

Tarian ini ditarikan dengan irungan lagu rakyat yang dikenali sebagai “mangkallang” ataupun “mangsangbai”. Tarian ini diamalkan oleh etnik Bajau, yang majoritinya tinggal di Bahagian Pantai Timur Sabah seperti di Semporna, Tawau, Sandakan, dan Lahad Datu.



Tarian daling-daling ditarikan secara perseorangan dan secara berpasangan berdasarkan keperluan majlis. Namun kini, tarian daling-daling dipersembahkan secara berkumpulan dan jumlah penari boleh terdiri daripada enam orang (tiga orang penari lelaki dan tiga orang penari perempuan) atau lapan orang (empat orang penari lelaki dan empat orang penari perempuan). Secara turun-temurun, ragam gerak tarian daling-daling dipersembahkan secara bebas menurut kreativiti penari dan pergerakannya diolah berdasarkan kepada maksud lagu rakyat seperti sangbai dan kalang, yang dinyanyikan oleh penonton yang hadir.

Persembahan tarian diiringi dengan beberapa jenis alat muzik. Alat muzik yang digunakan adalah berbeza-beza mengikut daerah. Di Semporna dan Tawau, alat muzik yang digunakan ialah biola, gabbang, gong, dan kulintangan. Di Kudat dan Kunak pula, alat muzik yang digunakan ialah kulintangan, agong dan tambul.



Pakaian	penari
perempuan	
(halalbimbang)	diperbuat
daripada kain baldu,	serta
dihiasi dengan labuci,	
benang emas dan butang	
betawi.	Penari
perempuan	perempuan juga
memakai kain	(ujalat)

yang dihiasi dengan sulaman labuci dan benang emas. Sehelai selendang diletakkan di atas bahu, manakala kepala dihiasi dengan mahkota (korona). Penari perempuan juga akan memakai bentuk kuku yang panjang pada hujung jari (janggai).

Penari lelaki pula memakai baju yang dikenali sebagai "baju tumbuk" dan seluar yang dikenali sebagai "tinanjak". Pakaian itu diperbuat daripada kain baldu (kain pallai), dan dihiasi dengan

sulaman benang emas dan butang betawi. Penari lelaki juga memakai pengikat pinggang (kandit), destar (porong) dan tanjak (lajjuk). Kandit diperbuat daripada sulaman benang emas dan benang sulam yang pelbagai warna serta mempunyai rumbai-rumbai di bahagian tepinya. Porong terbahagi kepada porong sinabit dan porong tinahian. Kedua-dua jenis porong ini ditenun dengan benang yang pelbagai warna. Penari yang memakai porong tinahian contohnya ialah seseorang yang menduduki status sosial yang dihormati.

